

OBJEK TIDAK LANGSUNG DALAM KATA KERJA DWITRANSITIF BAHASA MELAYU

(INDIRECT OBJECTS IN MALAY DISTRANSITIVE CONSTRUCTIONS)

WEN, S. W. B.¹ – BAKAR, N. A.^{1*}

¹ *Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: abnorsofiah[at]usm.my*

(Received 18th June 2026; revised 15th August 2026; accepted 26th August 2026)

Abstrak. Kajian penyelidikan ini meneliti status sintaksis frasa preposisi sebagai objek tidak langsung dalam kata kerja dwitransitif bahasa Melayu. Tatabahasa Dewan menetapkan bahawa kata kerja dwitransitif hanya boleh diikuti oleh dua frasa determiner, manakala frasa preposisi dianggap sebagai penerang semata-mata. Walau bagaimanapun, kajian ini menguji semula pandangan tersebut melalui dua kaedah empirikal, iaitu analisis data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan ujian kebolehterimaan ayat yang melibatkan 132 orang penutur natif bahasa Melayu daripada tiga kumpulan umur. Dapatan menunjukkan bahawa pola frasa determiner + frasa preposisi secara konsisten mencatatkan tahap kebolehterimaan yang lebih tinggi berbanding pola frasa determiner + frasa determiner merentas semua kumpulan umur. Berdasarkan kerangka Program Minimalis, kajian ini berhujah bahawa frasa preposisi dalam struktur dwitransitif bahasa Melayu berfungsi sebagai argumen wajib yang merealisasikan peranan tematik penerima, bukan sekadar adjung. Dapatan ini mencabar rumus preskriptif Tatabahasa Dewan dan menyumbang kepada pemahaman yang lebih tepat tentang sistem dwitransitif bahasa Melayu.

Katakunci: *kata kerja dwitransitif, frasa preposisi, objek tidak langsung, Program Minimalis, ujian kebolehterimaan*

Abstract. This research study investigates the syntactic status of prepositional phrases as indirect objects in Malay ditransitive verbs. Tatabahasa Dewan maintains that ditransitive verbs may only be followed by two determiner phrases, while prepositional phrases are treated merely as modifiers. However, this study re-examines this claim through two empirical methods: an analysis of corpus data from the Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) corpus and an acceptability judgement task involving 132 native speakers of Malay from three age groups. The findings indicate that the determiner phrase + prepositional phrase pattern consistently receives higher acceptability ratings than the determiner phrase + determiner phrase pattern across all age groups. Within the framework of the Minimalist Program, this study argues that prepositional phrases in Malay ditransitive constructions function as obligatory arguments that realise the Recipient thematic role rather than serving merely as adjuncts. These findings challenge the prescriptive account advanced in Tatabahasa Dewan and contribute to a more accurate understanding of the Malay ditransitive system.

Keywords: *ditransitive verbs, prepositional phrases, indirect objects, Minimalist Program, acceptability judgments*

Pengenalan

Kata kerja dwitransitif merupakan kata kerja yang memerlukan dua argumen selain subjek dalam pembinaan ayat, iaitu objek langsung dan objek tidak langsung (Tallerman, 2020; Cuervo, 2010). Dalam kebanyakan bahasa, termasuk bahasa Inggeris, objek tidak langsung boleh direalisasikan sama ada sebagai frasa determiner (FD) mahupun frasa preposisi (FP), menghasilkan dua pola struktur argumen yang berbeza, iaitu pola FD+FD dan pola FD+FP (Levin dan Rappaport Hovav, 2005; Goldberg,

1995; Fillmore, 1968). Variasi ini menunjukkan bahawa makna semantik yang hampir sama tidak semestinya direalisasikan melalui struktur argumen yang seragam dalam sesuatu bahasa. Dalam konteks bahasa Melayu, Tatabahasa Dewan (Karim et al., 2015) menetapkan bahawa kata kerja dwitransitif mesti diikuti oleh imbuhan apitan *meN-...-kan* dan dua frasa determiner yang berfungsi sebagai objek langsung dan objek tidak langsung. Pola yang diiktiraf secara rasmi ini boleh diwakili seperti berikut:

Contoh (1)

- a. *Hasnah membelikan Asri sebuah buku.*
- b. *Guru membacakan murid-muridnya karangan yang terbaik.*
- c. *Ibu memasak adik nasi lemak.*

Berdasarkan pola (1), frasa determiner kedua berfungsi sebagai objek tidak langsung dan wajib hadir dalam bentuk frasa nama tanpa kata preposisi. Rumus ini secara tidak langsung menolak kemungkinan frasa preposisi berfungsi sebagai objek tidak langsung dalam struktur kata kerja dwitransitif bahasa Melayu. Pendirian ini menjadikan imbuhan *meN-...-kan* sebagai penanda morfologi yang mutlak bagi menentukan status dwitransitif sesuatu kata kerja. Walau bagaimanapun, pemerhatian terhadap data penggunaan bahasa Melayu sebenar memperlihatkan fenomena yang berbeza. Terdapat kata kerja dwitransitif yang diikuti oleh frasa determiner dan frasa preposisi sebagai objek tidak langsung, sebagaimana yang ditunjukkan dalam contoh berikut:

Contoh (2)

- a. *Pihak tersebut memberitahu hal itu kepada penonton.*
- b. *Shahrif meminjamkan buku muzikal kepada Shahrul.*
- c. *Elon Musk mendermakan 5,044,000 saham kepada badan amal.*
- d. *Hakim menjatuhkan hukuman penjara kepadanya.*

Dalam contoh (2), frasa preposisi *kepada* penonton, kepada Shahrul, kepada badan amal dan kepadanya masing-masing merealisasikan argumen penerima yang berfungsi sebagai objek tidak langsung. Jika frasa preposisi tersebut digugurkan, ayat akan menjadi gantung dan interpretasi semantik ayat menjadi tidak lengkap. Ujian penggantian seperti berikut membuktikan perkara ini:

Contoh (3)

- a. *Pihak tersebut memberitahu hal itu.*
- b. *Shahrif meminjamkan buku muzikal.*
- c. *Hakim menjatuhkan hukuman penjara.*

Ketiga-tiga ayat dalam (3) adalah janggal atau tidak gramatis apabila frasa preposisi digugurkan, menunjukkan bahawa frasa preposisi tersebut bukan penerang yang boleh ditinggalkan, sebaliknya merupakan argumen yang wajib hadir untuk melengkapkan makna kata kerja. Fenomena ini mencabar pandangan Karim et al. (2015) dan menimbulkan persoalan fundamental tentang status sintaksis frasa preposisi dalam struktur dwitransitif bahasa Melayu. Beberapa sarjana telah membincangkan kemungkinan frasa preposisi berfungsi sebagai objek tidak langsung dalam bahasa Melayu. Hassan (1993) dan Salleh (1995) berpendapat bahawa kata kerja dwitransitif boleh diikuti oleh satu frasa determiner dan satu frasa preposisi sebagai objek tidak

langsung. Bakar dan Hassan (2023) secara eksplisit menegaskan bahawa objek tidak langsung dalam bahasa Melayu perlu diberikan pilihan, sama ada frasa nama atau frasa preposisi. Namun demikian, pandangan-pandangan ini masih belum diuji secara sistematik melalui bukti empirikal yang melibatkan penilaian kebolehterimaan penutur natif bahasa Melayu dan data korpus autentik.

Dalam bahasa-bahasa lain, pola FD+FP telah diiktiraf secara meluas sebagai salah satu realisasi sah bagi struktur dwitransitif. Fillmore (1968) membuktikan bahawa kata kerja *give* dalam bahasa Inggeris boleh direalisasikan dalam pola *give Mary a book* (FD+FD) dan *give a book to Mary* (FD+FP) tanpa mengubah struktur semantik asas ayat. Kong dan Heine (2010) turut membuktikan bahawa pola FD+FP bersifat universal dalam kebanyakan bahasa dunia, termasuk bahasa Cina Kantonis. Persoalannya, adakah universaliti ini turut wujud dalam bahasa Melayu? Berdasarkan latar belakang ini, dua jurang kajian dikenal pasti. Pertama, status sintaksis frasa preposisi sebagai objek tidak langsung dalam struktur dwitransitif bahasa Melayu masih belum ditentukan secara empirikal. Kedua, huraian preskriptif Tatabahasa Dewan belum dinilai semula berdasarkan data penggunaan bahasa sebenar yang melibatkan pola FD+FP. Justeru, kajian ini bertujuan untuk: (i) menganalisis pola struktur argumen kata kerja dwitransitif bahasa Melayu yang melibatkan frasa preposisi sebagai objek tidak langsung berdasarkan data korpus dan penilaian kebolehterimaan penutur natif; dan (ii) menjelaskan status sintaksis frasa preposisi sebagai objek tidak langsung dalam kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995). Kajian ini penting kerana dapatan yang diperoleh bukan sahaja menyumbang kepada pemahaman yang lebih tepat tentang sistem dwitransitif bahasa Melayu, malah berpotensi memperjelas rumus tatabahasa yang lebih inklusif dan berasaskan data bagi menggantikan huraian preskriptif yang sedia ada. Selain itu, kajian ini turut membuka ruang untuk perbincangan tentang tipologi dwitransitiviti dalam bahasa-bahasa Austronesia.

Sorotan literatur

Kata kerja dwitransitif: Perspektif rentas bahasa

Perbincangan tentang kata kerja dwitransitif dalam linguistik telah lama berkisar pada persoalan bagaimana sesuatu kata kerja merealisasikan tiga argumen utama dalam struktur ayat, iaitu pelaku, tema dan penerima (Baker, 1988; Fillmore, 1968). Fillmore (1968) dalam kerangka tatabahasa kasus menegaskan bahawa kata kerja dwitransitif melibatkan tiga peranan semantik yang tetap, dan walaupun struktur sintaksis sesuatu ayat berbeza, peranan semantik ketiga-tiga argumen tersebut kekal tidak berubah. Baker (1988) melalui Hipotesis Keseragaman Penugasan Peranan Teta (Uniformity of Theta Assignment Hypothesis, UTAH) mengembangkan pandangan ini dengan menegaskan bahawa setiap peranan semantik dihubungkan dengan posisi sintaksis yang tetap dan seragam, sama ada direalisasikan sebagai frasa determiner mahupun frasa preposisi. Goldberg (1995) memberi sumbangan penting dengan membuktikan bahawa pola FD+FD membawa makna *caused possession*, iaitu subjek menyebabkan penerima memiliki tema, manakala pola FD+FP membawa makna *caused motion*, iaitu tema bergerak menuju penerima. Walaupun kedua-dua pola berbeza dari segi fokus semantik, Goldberg (1995) dan Mukherjee (2005) bersetuju bahawa kedua-duanya merupakan realisasi sah bagi kata kerja dwitransitif. Kajian rentas bahasa turut membuktikan bahawa pola FD+FP bersifat universal, termasuk dalam bahasa Cina Kantonis (Chin, 2011; Kong dan Heine, 2010) dan bahasa Rusia (Levin dan Rappaport Hovav, 2005).

Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa realisasi frasa preposisi sebagai objek tidak langsung adalah fenomena yang tersusun secara tatabahasa, bukan variasi bebas semata-mata.

Kata kerja dwitransitif dalam Bahasa Melayu

Dalam konteks bahasa Melayu, Tatabahasa Dewan (Karim et al., 2015) menetapkan bahawa kata kerja dwitransitif mesti diikuti oleh imbuhan apitan *meN*-...-kan dan dua frasa determiner sebagai objek langsung dan objek tidak langsung. Dalam kerangka ini, frasa preposisi yang hadir selepas objek langsung dianggap sebagai penerang semata-mata dan bukan argumen wajib. Pandangan yang sama dikongsi oleh Hassan (2006) dan Nor (2011) yang menganggap imbuhan -kan sebagai unsur yang menandakan hubungan benefaktif antara kata kerja dan argumen penerima. Walau bagaimanapun, pandangan preskriptif ini telah dipersoalkan oleh beberapa sarjana. Abas (1975) menunjukkan bahawa terdapat kata kerja tanpa imbuhan -kan yang memerlukan dua objek, seperti dalam ayat *Dia mengajar kami bahasa Malaysia*. Hassan (1993) dan Salleh (1995) berpendapat bahawa pola *FK+FD+FP* merupakan salah satu realisasi sah bagi kata kerja dwitransitif bahasa Melayu, sebagaimana yang ditunjukkan dalam contoh *Bapa memberi buku kepada adik*. Bakar dan Hassan (2023) secara eksplisit menegaskan bahawa objek tidak langsung dalam bahasa Melayu boleh direalisasikan sama ada sebagai frasa nama atau frasa preposisi. Percanggahan ini mencerminkan ketidakselarasan yang ketara antara rumus preskriptif dengan penggunaan bahasa Melayu sebenar, namun belum diselesaikan melalui bukti empirikal yang sistematik.

Kerangka program minimalis dalam analisis dwitransitif

Dari perspektif Program Minimalis (Chomsky, 1995), status sintaksis frasa preposisi dalam struktur dwitransitif ditentukan oleh sama ada frasa tersebut menerima peranan tematik yang wajib daripada kata kerja. Dalam kerangka ini, struktur sintaksis dibentuk melalui operasi yang bersifat ekonomik serta mematuhi keperluan pemetaan antara kata kerja dan argumen yang terlibat. Cuervo (2010) membuktikan bahawa frasa preposisi yang merealisasikan peranan penerima merupakan argumen dalaman yang dijana dalam posisi pelengkap kepada kepala fungsional *v* dalam cangkerang frasa kerja (*vP shell*), bukan sekadar adjung. Dapatan ini menunjukkan bahawa frasa preposisi memainkan peranan sintaksis yang wajib dalam derivasi ayat dwitransitif. Dalam konteks bahasa Melayu, Sultan (2006) menunjukkan bahawa bahasa Melayu lebih cenderung menggunakan frasa preposisi untuk menandakan argumen penerima berbanding merealisasikan sebagai frasa determiner secara langsung, selaras dengan prinsip Ketelusan Pemetaan (*Mapping Transparency*). Jubilado dan Razak (2018) pula membuktikan bahawa frasa kerja bahasa Melayu mempunyai struktur dua lapis, iaitu *VP* dan *vP*, yang menampung penugasan peranan teta dan penyemakan kasus bagi argumen dwitransitif. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian ini tidak meneliti secara khusus sama ada frasa preposisi dalam pola *FD+FP* berfungsi sebagai argumen wajib atau adjung dalam struktur dwitransitif bahasa Melayu. Landasan teori ini menjadi asas bagi kajian ini untuk menganalisis status sintaksis frasa preposisi dalam pola *FD+FP* bahasa Melayu secara empirikal.

Instrumen dan Metod Kajian

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk kajian keratan rentas bagi menganalisis perilaku frasa preposisi sebagai objek tidak langsung dalam kata kerja dwitransitif bahasa Melayu. Kajian keratan rentas dipilih kerana ia lebih ekonomik dari segi masa dan tidak memerlukan tempoh pemerhatian yang panjang (Sekaran dan Bougie, 2013). Data kajian diperoleh melalui dua sumber yang saling melengkapi, iaitu data korpus dan ujian kebolehterimaan ayat. Gabungan kedua-dua sumber ini menghasilkan sokongan bukti yang saling melengkapi (converging evidence) yang memperkukuh kesahan analisis (Featherston, 2005).

Data korpus

Data korpus diperoleh daripada Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan sumber dalam talian akhbar Utusan Malaysia. Kedua-dua sumber ini dipilih kerana mewakili penggunaan bahasa Melayu standard dalam konteks penulisan rasmi. Pemilihan ayat dilakukan berdasarkan tiga kriteria, iaitu (i) mengandungi kata kerja dwitransitif, (ii) mempunyai struktur ayat penyata aktif, dan (iii) tidak melibatkan binaan kompleks seperti ayat relatif atau ayat komplemen. Sebahagian ayat diubah suai secara minimum bagi memastikan keseragaman struktur tanpa menjejaskan makna asalnya. Secara keseluruhan, sebanyak 50 ayat dipilih daripada korpus, melibatkan kata kerja dwitransitif berimbuhan meN-...-kan dan berimbuhan meN- sahaja dalam pola FD+FD dan FD+FP.

Ujian kebolehterimaan ayat

Ujian kebolehterimaan ayat (Acceptability Judgement Task, AJT) merupakan kaedah empirikal utama dalam penyelidikan sintaksis generatif bagi menilai intuisi tatabahasa penutur natif terhadap sesuatu struktur ayat (Sprouse, 2018; Schütze, 2016). Data kebolehterimaan berfungsi sebagai bukti langsung tentang pengetahuan tatabahasa mental penutur dan digunakan untuk menguji serta memperhalusi tuntutan teori. Dalam kajian ini, subjek kajian diminta menilai tahap kebolehterimaan setiap ayat menggunakan skala empat mata, iaitu (i) paling tepat, (ii) agak tepat, (iii) janggal, dan (iv) tidak tepat. Subjek kajian terdiri daripada 132 orang penutur natif bahasa Melayu yang dibahagikan kepada tiga kumpulan umur seperti dalam *Jadual 1*. Pemilihan subjek kajian berdasarkan kriteria berikut: (i) penutur natif bahasa Melayu, (ii) menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa dominan dalam komunikasi harian, dan (iii) ibu bapa merupakan penutur natif bahasa Melayu di Malaysia. Guru yang mengajar subjek Bahasa Melayu dikecualikan bagi mengelakkan pengaruh preskriptif dalam penilaian kebolehterimaan. Kajian ini dilaksanakan selaras dengan garis panduan etika penyelidikan (USM/JEPeM/PP/24100927).

Jadual 1. Maklumat demografi subjek kajian.

Kumpulan	Kategori	Bilangan (n)
13–18 tahun	Pelajar sekolah menengah	44
19–24 tahun	Mahasiswa IPTA	44
25–35 tahun	Guru bukan pengajar BM	44
Jumlah		132

Analisis data

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27 melalui dua peringkat. Pertama, statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan pola kebolehterimaan ayat berdasarkan nilai kekerapan dan peratus bagi setiap struktur yang diuji. Kedua, ujian normaliti dijalankan bagi menentukan jenis analisis inferensi yang sesuai. Oleh kerana data tidak memenuhi andaian taburan normal ($p < .05$), ujian bukan parametrik Kruskal-Wallis H digunakan untuk perbandingan antara tiga kumpulan umur, diikuti ujian Mann-Whitney U bagi perbandingan berpasangan apabila ujian Kruskal-Wallis menunjukkan perbezaan yang signifikan. Tahap signifikan ditetapkan pada aras .05.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Kebolehterimaan pola FD+FD berbanding FD+FP

Analisis ujian kebolehterimaan terhadap enam kata kerja dwitransitif representatif menunjukkan bahawa pola FD+FP secara konsisten mencatatkan tahap kebolehterimaan yang lebih tinggi berbanding pola FD+FD merentas ketiga-tiga kumpulan umur. *Jadual 2* memaparkan peratusan penilaian 'paling tepat' bagi setiap pola yang diuji. Berdasarkan *Jadual 2*, perbezaan antara pola FD+FD dan FD+FP amat ketara bagi semua kata kerja yang diuji. Kata kerja membawa dalam pola FD+FP mencatatkan penilaian 'paling tepat' melebihi 80% dalam ketiga-tiga kumpulan umur, manakala pola FD+FD hanya mencatatkan antara 4.5% hingga 31.8%. Begitu juga kata kerja memberitahu yang menunjukkan pola FD+FP diterima antara 61.4% hingga 68.2%, berbanding pola FD+FD yang hanya mencatatkan antara 2.3% hingga 11.4%. Pola yang sama turut diperlihatkan oleh kata kerja berimbuhan -kan, iaitu meminjamkan, mengirimkan, menjatuhkan dan mengurniakan, yang menunjukkan pola FD+FP lebih diterima berbanding pola FD+FD walaupun imbuhan -kan hadir dalam kedua-dua pola. Dapatan ini menunjukkan bahawa kecenderungan menerima pola FD+FP bukan bergantung kepada kehadiran imbuhan meN-...-kan semata-mata, sebaliknya mencerminkan satu kecenderungan tatabahasa yang lebih mendasar dalam sistem sintaksis bahasa Melayu. *Jadual 3* pula merumuskan pola kebolehterimaan keseluruhan bagi setiap kata kerja yang diuji, menunjukkan sama ada struktur FD+FP lebih stabil atau tidak antara kumpulan umur. Berdasarkan *Jadual 3*, kesemua enam kata kerja dwitransitif yang diuji menunjukkan kecenderungan yang konsisten ke arah penerimaan pola FD+FP. Yang paling signifikan ialah empat kata kerja, iaitu membawa, memberitahu, mengirimkan dan menjatuhkan, menunjukkan pola FD+FP yang stabil merentas semua kumpulan umur ($p > .05$), bermakna pola ini diterima secara seragam tanpa dipengaruhi oleh faktor umur atau latar belakang pendidikan.

Jadual 2. Peratusan penilaian 'Paling Tepat' bagi pola FD+FD dan FD+FP.

Kata Kerja	Pola	13–18 tahun (%)	19–24 tahun (%)	25–35 tahun (%)
membawa	FD+FD	6.8	31.8	4.5
	FD+FP	86.4	81.8	88.6
memberitahu	FD+FD	2.3	11.4	9.1
	FD+FP	61.4	68.2	65.9
meminjamkan	FD+FD	2.3	4.5	2.3
	FD+FP	61.4	88.6	68.2
mengirimkan	FD+FD	22.7	45.5	38.6
	FD+FP	68.2	75.0	77.3
menjatuhkan	FD+FD	18.2	54.5	20.5
	FD+FP	43.2	40.9	43.2
mengurniakan	FD+FD	13.6	40.9	20.5

FD+FP	54.5	75.0	56.8
-------	------	------	------

Jadual 3. Rumusan pola kebolehterimaan keseluruhan.

Kata Kerja	Imbuhan	Pola Lebih Diterima	Kestabilan Antara Kumpulan
membawa	meN-	FD+FP	Stabil (p = .652)
memberitahu	meN-	FD+FP	Stabil (p = .893)
meminjamkan	meN-...-kan	FD+FP	Sederhana (p = .016)
mengirimkan	meN-...-kan	FD+FP	Stabil (p = .135)
menjatuhkan	meN-...-kan	FD+FP	Stabil (p = .837)
mengurniakan	meN-...-kan	FD+FP	Stabil (p = .135)

Analisis inferensi: Perbezaan antara kumpulan umur

Ujian Kruskal-Wallis menunjukkan pola yang berbeza antara pola FD+FD dan FD+FP dari segi kestabilan penilaian antara kumpulan umur. *Jadual 4* memaparkan keputusan ujian Kruskal-Wallis bagi setiap ayat yang dianalisis. Berdasarkan *Jadual 4*, pola FD+FP bagi kata kerja membawa, memberitahu, mengirimkan dan menjatuhkan tidak menunjukkan perbezaan signifikan antara kumpulan umur ($p > .05$), bermakna ketiga-tiga kumpulan umur menilai pola FD+FP secara seragam sebagai struktur yang lebih boleh diterima. Dapatan ini membuktikan bahawa penerimaan terhadap pola FD+FP bukan fenomena yang terhad kepada kumpulan umur tertentu, sebaliknya mencerminkan pengetahuan tatabahasa mental yang dikongsi bersama oleh penutur natif bahasa Melayu merentas peringkat umur yang berbeza. Sebaliknya, pola FD+FD bagi kata kerja meminjamkan menunjukkan perbezaan yang sangat signifikan antara kumpulan umur, $H(2) = 21.799$, $p < .001$. Analisis lanjutan menggunakan ujian Mann-Whitney U menunjukkan bahawa perbezaan tersebut berlaku antara kumpulan umur 13-18 dengan 25-35 ($p < .001$) dan antara kumpulan umur 19-24 dengan 25-35 ($p < .001$), manakala tiada perbezaan signifikan antara kumpulan umur 13-18 dan 19-24 ($p = .120$). Dapatan ini menunjukkan bahawa pola FD+FD tidak stabil dan dinilai secara berbeza antara kumpulan umur, mengesahkan bahawa pola FD+FD kurang mantap dalam intuisi tatabahasa penutur natif bahasa Melayu. Bagi kata kerja meminjamkan, pola FD+FP menunjukkan perbezaan signifikan, $H(2) = 8.311$, $p = .016$. Analisis Mann-Whitney U memperlihatkan perbezaan antara kumpulan umur 13-18 dan 19-24 ($p = .004$) serta antara kumpulan umur 19-24 dan 25-35 ($p = .030$). Walaupun terdapat perbezaan antara kumpulan umur, perbezaan ini mencerminkan tahap penerimaan yang berbeza-beza, di mana kumpulan umur 19-24 menunjukkan penerimaan yang paling tinggi (88.6%) berbanding dua kumpulan umur yang lain. Hal ini mungkin disebabkan oleh pendedahan yang lebih tinggi terhadap penggunaan bahasa Melayu standard dalam kalangan mahasiswa universiti yang lebih banyak terdedah kepada bahan bacaan berbanding pelajar sekolah dan guru.

Jadual 4. Keputusan ujian Kruskal-Wallis bagi pola FD+FD dan FD+FP.

Kata Kerja	Pola	H	F	Signifikan antara kumpulan
membawa	FD+FD	21.799	< .001	13-18 vs 25-35; 19-24 vs 25-35
	FD+FP	0.854	.652	Tidak signifikan
memberitahu	FD+FD	4.514	.105	Tidak signifikan
	FD+FP	0.226	.893	Tidak signifikan
meminjamkan	FD+FD	-	-	-
	FD+FP	8.311	.016	13-18 vs 19-24; 19-24 vs 25-35
mengirimkan	FD+FD	-	-	-
	FD+FP	4.009	.135	Tidak signifikan
menjatuhkan	FD+FD	7.339	.025	13-18 vs 19-24; 19-24 vs 25-35
	FD+FP	0.355	.837	Tidak signifikan

mengurniakan	FD+FD	7.281	.026	13-18 vs 19-24
	FD+FP	4.009	.135	Tidak signifikan

Perbincangan: Frasa preposisi sebagai argumen wajib dalam kerangka program minimalis

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa frasa preposisi dalam pola FD+FP berfungsi sebagai argumen wajib yang merealisasikan peranan tematik penerima, bukan sekadar penerang seperti yang ditetapkan oleh Karim et al. (2015). Tiga hujahan dalam kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995) dikemukakan bagi menyokong pandangan ini.

Kejelasan penugasan peranan Teta

Dalam kerangka Program Minimalis, setiap argumen dalam struktur ayat mesti menerima peranan teta yang unik dan jelas (Chomsky, 1995; Baker, 1988). Dalam pola FD+FP, kata preposisi kepada dan ke bertindak sebagai penanda eksplisit yang menandakan peranan penerima secara langsung tanpa memerlukan inferens semantik tambahan. Grid teta berikut menggambarkan pengagihan peranan teta dalam pola FD+FP:

Contoh (4)

[FD AGEN] + Kata Kerja + [FD TEMA] + [FP PENERIMA]

Ibu membekalkan 40 sen kepada saya.

Dalam contoh (4), FD ibu menerima peranan teta agen, FD 40 sen menerima peranan teta tema, manakala FP kepada saya secara eksplisit menandakan peranan teta penerima melalui kata preposisi kepada. Penandaan eksplisit ini membolehkan sistem kognitif penutur memetakan peranan teta dengan cepat dan tepat tanpa memerlukan proses inferens yang tambahan. Sebaliknya, dalam pola FD+FD seperti Ibu membekalkan saya 40 sen, ketiadaan penanda preposisi menyebabkan penutur terpaksa bergantung kepada konteks dan pengetahuan dunia untuk membezakan antara argumen tema (40 sen) dan penerima (saya). Beban inferens semantik yang meningkat inilah yang menjelaskan mengapa pola FD+FD mencatatkan tahap kebolehterimaan yang lebih rendah dan lebih tidak stabil antara kumpulan umur (Snyder, 2011). Dapatan kajian ini selari dengan prinsip Ketelusan Pemetaan (Mapping Transparency) yang dikemukakan oleh Sultan (2006), iaitu setiap peranan teta perlu ditandai secara unik oleh unsur morfologi atau sintaksis yang nyata.

Kestabilan pemberian kasus

Dalam kerangka Program Minimalis, setiap frasa determiner mesti menerima kasus yang sah untuk memastikan ayat mencapai interpretasi penuh di peringkat antarmuka (Radford, 2009; Chomsky, 1995). Dalam pola FD+FP, pemberian kasus berlaku secara sistematik dan tanpa persaingan. Argumen agen menerima kasus nominatif daripada kepala T(ense), argumen tema menerima kasus akusatif daripada kata kerja, manakala argumen penerima dalam frasa preposisi menerima kasus datif melalui kepala preposisi. Mekanisme pemberian kasus yang jelas ini mengelakkan persaingan kasus antara dua argumen dalaman dan menghasilkan struktur ayat yang lebih stabil. Bukti terhadap kestabilan ini dapat dilihat melalui pola FD+FP kata kerja membawa yang tidak

menunjukkan perbezaan signifikan antara kumpulan umur ($p = .652$), dan pola FD+FP kata kerja menjatuhkan yang juga tidak menunjukkan perbezaan signifikan antara kumpulan umur ($p = .837$). Kedua-dua dapatan ini bermakna kesemua penutur natif, tanpa mengira umur, menilai struktur FD+FP secara seragam. Sebaliknya, dalam pola FD+FD, ketiadaan frasa preposisi menyebabkan kedua-dua argumen dalaman bersaing untuk menerima kasus, menjejaskan kestabilan derivasi. Hal ini terbukti melalui pola FD+FD kata kerja membawa yang menunjukkan perbezaan yang sangat signifikan antara kumpulan umur, $H(2) = 21.799$, $p < .001$.

Prinsip ekonomi derivasi

Chomsky (2015) menegaskan bahawa sistem bahasa sentiasa memilih struktur yang paling ekonomik dalam menyampaikan makna. Dalam pola FD+FP, kehadiran kata preposisi membolehkan penugasan peranan teta dan pemberian kasus berlaku secara langsung dengan kos derivasi yang paling minimum. Setiap operasi sintaksis yang dilakukan mempunyai tujuan semantik yang jelas, selaras dengan andaian prinsip ekonomi dalam Program Minimalis. Hal ini berbeza dengan pola FD+FD yang memerlukan operasi inferens tambahan untuk menentukan peranan teta setiap argumen, sekali gus meningkatkan kos pemprosesan kognitif penutur. Seperti yang diujahkan oleh Sultan (2006), bahasa Melayu lebih cenderung menggunakan frasa preposisi untuk menandakan argumen penerima kerana mekanisme tersebut membolehkan penyemakan fitur dilakukan secara lebih jelas dan ekonomik. Dapatan kajian ini secara empirikal mengesahkan pandangan Fazal Mohamed melalui bukti kebolehterimaan penutur natif yang menunjukkan pola FD+FP lebih konsisten diterima berbanding pola FD+FD. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga hujahan ini membuktikan bahawa frasa preposisi dalam struktur dwitransitif bahasa Melayu merupakan argumen wajib yang memainkan peranan sintaksis yang sah dalam derivasi ayat, sejajar dengan dapatan Cuervo (2010) dan Kong and Heine (2010) dalam bahasa-bahasa lain. Dapatan ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu, seperti bahasa-bahasa lain dalam tipologi dwitransitiviti, lebih cenderung merealisasikan objek tidak langsung melalui frasa preposisi kerana mekanisme ini lebih telus, lebih stabil dan lebih ekonomik.

Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan secara empirikal bahawa frasa preposisi berfungsi sebagai objek tidak langsung yang sah dalam struktur kata kerja dwitransitif bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pola FD+FP secara konsisten mencatatkan tahap kebolehterimaan yang lebih tinggi berbanding pola FD+FD merentas ketiga-tiga kumpulan umur penutur natif bahasa Melayu yang dikaji, iaitu pelajar sekolah menengah (13-18 tahun), mahasiswa universiti (19-24 tahun) dan guru sekolah menengah (25-35 tahun). Kecenderungan ini tidak bergantung kepada kehadiran imbuhan meN-...-kan, kerana kata kerja tanpa imbuhan -kan seperti membawa dan memberitahu turut menunjukkan pola yang sama. Berdasarkan kerangka Program Minimalis (Chomsky, 1995), keunggulan pola FD+FP dapat dijelaskan melalui tiga mekanisme sintaksis utama. Pertama, kehadiran kata preposisi kepada dan ke membolehkan penugasan peranan teta penerima dilakukan secara eksplisit dan telus, selaras dengan prinsip Ketelusan Pemetaan yang dikemukakan oleh Sultan (2006). Kedua, pola FD+FP membolehkan pemberian kasus berlaku secara sistematik tanpa persaingan antara argumen dalaman, menghasilkan derivasi yang lebih stabil

sebagaimana yang terbukti melalui ketekalan penilaian antara kumpulan umur. Ketiga, pola FD+FP lebih ekonomik dari segi derivasi kerana mengurangkan beban inferens semantik yang diperlukan oleh penutur dalam memproses struktur ayat. Ketiga-tiga mekanisme ini bersepadu menjelaskan mengapa pola FD+FP lebih mudah diproses dan lebih konsisten diterima oleh penutur natif bahasa Melayu.

Dapatan kajian ini mempunyai implikasi penting dari sudut teori dan pedagogi. Dari sudut teoretis, kajian ini membuktikan bahawa rumus preskriptif Tatabahasa Dewan yang mengehadkan kata kerja dwitransitif kepada pola FD+FD semata-mata tidak mencerminkan keupayaan tatabahasa mental penutur natif bahasa Melayu yang sebenar. Status frasa preposisi dalam struktur dwitransitif perlu disemak semula daripada sekadar penerang kepada argumen wajib yang merealisasikan peranan penerima. Kajian ini turut membuktikan bahawa bahasa Melayu mempunyai sistem sintaksis yang selari dengan bahasa-bahasa lain dari segi universaliti pola FD+FP dalam dwitransitiviti, menyumbang kepada perbincangan tipologi bahasa Austronesia. Dari sudut pedagogi, dapatan ini mencadangkan bahawa pengajaran kata kerja dwitransitif bahasa Melayu di sekolah dan institusi pengajian tinggi perlu merangkumi kedua-dua pola FD+FD dan FD+FP sebagai struktur yang gramatis, selaras dengan intuisi tatabahasa penutur natif dan penggunaan bahasa Melayu sebenar. Pendekatan yang lebih inklusif dan berasaskan data ini akan mengurangkan kekeliruan pelajar serta membolehkan pengajaran tatabahasa yang lebih tepat dan realistik. Kajian ini terbatas kepada ayat penyata aktif bahasa Melayu standard dan melibatkan enam kata kerja dwitransitif representatif sahaja. Kajian lanjutan disarankan untuk meneliti perilaku frasa preposisi dalam ayat pasif dan ayat songsang, melibatkan korpus yang lebih besar dan pelbagai genre teks, serta meneliti pola dwitransitif dalam dialek-dialek bahasa Melayu bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang sistem dwitransitif dalam bahasa Melayu secara keseluruhannya.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan tidak terdapat sebarang konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam penghasilan makalah ini.

RUJUKAN

- [1] Abas, L. (1975): *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 363p.
- [2] Baker, M.C. (1988): *Incorporation: A Theory of Grammatical Function Changing*. – University of Chicago Press, Chicago 543p.
- [3] Bakar, N.A., Hassan, H. (2023): Objek dalam ayat transitif bahasa Melayu: Analisis Program Minimalis. – *Jurnal Bahasa* 23(1): 169-190.
- [4] Chin, A.C. (2011): Ditransitive constructions in Cantonese. – *Conference on Ditransitive Constructions* 20p.

- [5] Chomsky, N. (2015): Problems of projection: Extensions. – In: Di Domenico, E., Hamann, C., Matteini, S. (eds.) *Structures, Strategies and Beyond: Studies in Honour of Adriana Belletti*, John Benjamins Publishing Company, Amsterdam 14p.
- [6] Chomsky, N. (1995): *The Minimalist Program*. – MIT Press, Cambridge, MA 426p.
- [7] Cuervo, M.C. (2010): Applicatives all the way down. – *The supplied publication details, Natural Language & Linguistic Theory* 28(1): 69-116.
- [8] Featherston, S. (2005): Magnitude estimation and what it can do for your syntax: Some wh-constraints in German. – *Lingua* 115(11): 1525-1550.
- [9] Fillmore, C.J. (1968): The case for case. – In: Bach, E., Harms, R.T. (eds.) *Universals in Linguistic Theory*, Holt, Rinehart and Winston, New York 88p.
- [10] Goldberg, A.E. (1995): *Constructions: A Construction Grammar Approach to Argument Structure*. – University of Chicago Press, Chicago 271p.
- [11] Hassan, A. (2006): *Morfologi*. – PTS Professional Publishing, Kuala Lumpur 333p.
- [12] Hassan, M.I. (1993): *Frasa Kerja dalam Bahasa Melayu: Masalah Penggunaan serta Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran yang Berkesan*. – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 145p.
- [13] Jubilado, R., Rogayah A. Razak. (2018): Lapisan frasa kerja dalam bahasa Melayu. – In: Rogayah A. Razak, Radiah Yusoff (eds.) *Teori Sintaksis Bahasa Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 53p.
- [14] Karim, N.S., Onn, F.M., Musa, H.H., Mahmood, A.H. (2015): *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 617p.
- [15] Kong, L., Heine, B. (2010): Ditransitive constructions in Chinese. – *The supplied Studies in Language* 34(3): 598-629.
- [16] Levin, B., Rappaport Hovav, M. (2005): *Argument Realization*. – Cambridge University Press, Cambridge 278p.
- [17] Mukherjee, J. (2005): *English Ditransitive Verbs: Aspects of Theory, Description and a Usage-Based Model*. – Rodopi, Amsterdam 295p.
- [18] Nor, A.K.M. (2011): *Persoalan Tatabahasa Melayu*. – Utusan Publications & Distributors, Kuala Lumpur 230p.
- [19] Radford, A. (2009): *Analysing English Sentences: A Minimalist Approach*. – Cambridge University Press, Cambridge 542p.
- [20] Salleh, M.D. (1995): *Sintaksis Bahasa Melayu: Penerapan Teori Kuasaan dan Tambatan*. – Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- [21] Schütze, C.T. (2016): *The Empirical Base of Linguistics: Grammaticality Judgments and Linguistic Methodology*. – Language Science Press, Berlin 268p.
- [22] Sekaran, U., Bougie, R. (2013): *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. – Wiley, Chichester 436p.
- [23] Snyder, W. (2011): On the acquisition of ditransitive verbs. – *The supplied Language Acquisition* 18(2): 93-108.
- [24] Sprouse, J. (2018): Acceptability judgments and grammaticality: Prospects and challenges. – In: Hornstein, N., Lasnik, H., Patel-Grosz, P., Yang, C. (eds.) *Syntactic Structures after 60 Years: The Impact of the Chomskyan Revolution in Linguistics*, De Gruyter Mouton, Berlin/Boston 30p.
- [25] Sultan, F.M.M. (2006): Kata kerja dwitransitif bahasa Melayu: Suatu analisis minimalis. – *The supplied Jurnal Bahasa* 6(1): 1-24.
- [26] Tallerman, M. (2020): *Understanding Syntax*. – Routledge, London 362p.